

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 21**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menggubal suatu akta khusus untuk membendung ekstremisme dan fahaman perkauman sempit, di samping membina masyarakat yang bersatu padu dan hidup berharmoni.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L  
PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan sesebuah Kerajaan yang berdaulat untuk menjamin keharmonian rakyatnya. Malaysia sebagai sebuah negara dengan masyarakatnya yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, agama, budaya dan bahasa tidak terlepas berhadapan dengan insiden-insiden yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara.

Kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal suatu undang-undang baharu sebagaimana yang dicadangkan oleh YB Lembah Pantai. Kerajaan hari ini telah mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan mereka yang

sengaja memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian negara akan didakwa di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Di bawah undang-undang sedia ada, mana-mana pihak dengan sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat boleh disiasat dan didakwa di bawah akta-akta berikut:

- (i) Seksyen 298A - Kanun Keseksaan (Akta 574)
- (ii) Seksyen 233 - Akta Komunikasi dan Multimedia (AKMM) 1998

Sebenarnya apa yang diperlukan ialah tindakan tegas dan pantas oleh pihak penguatkuasa undang-undang ke atas kesalahan pelaku di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Selain itu, masyarakat juga perlu dididik untuk memahami dan menghormati undang-undang. Kegagalan rakyat untuk menghormati undang-undang akan menggugat keharmonian negara dan mencetuskan suasana tidak aman.

Ketiadaan undang-undang spesifik berhubung dengan keharmonian antara kaum dan agama ketika ini tidaklah bermakna bahawa usaha-usaha memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat terus diabaikan, sebaliknya usaha menyatupadukan kaum di negara ini akan terus dipergiatkan lagi.

Sekian, terima kasih.